

Oleh  
NUR FAIZAH ABDUL WAHAB  
Gambar  
DILAKONKAN OLEH MODEL

# JENAYAH SEKSUAL

## Ketahui Hak Anda dan Langkah Mengelakkannya



**BARU-baru** ini media heboh memperkatakan tentang jenayah seksual. Bagi anda yang selalu menyelak akhbar, pasti mendapati setiap hari ada saja berita jenayah seksual disiarkan. Jenayah ini merangkumilah gejala sumbang mahram, rogol, dan penderaan seksual.

Bagi anda yang bernasib baik, tidak pernah mengalaminya lagi, perlulah sentiasa berjaga-jaga. Manakala bagi anda yang pernah mengalaminya, ingatlah bahawa dunia anda belum berakhir. Menangisi nasib bukanlah penyelesaiannya. Kerana itu, anda tidak patut bersendir, sebaliknya memerlukan sokongan moral daripada keluarga dan rakan-rakan.

Sejak media semakin aktif menyiarkan berita jenayah seksual, masyarakat mulai sedar bahawa jenayah itu amat serius. Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri mahu media massa terus melaporkan kes jenayah keganasan seks terutama yang membabitkan wanita dan kanak-kanak. Tujuannya supaya masyarakat sedar dan berusaha melakukan sesuatu bagi membanterasnya.

Dalam kenyataan medianya, Abdullah berkata selagi ada orang yang menganggap jenayah seksual kes terpencil, maka selama itu orang yang tidak terbabit tidak akan ambil peduli. Berikutan banyak laporan polis tentang jenayah tersebut, kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sudah mengadakan mesyuarat tentang Keganasan Seksual di Jabatan Perdana Menteri pada Mei lalu. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

## Peranan Guru Kaunseling

Halimahton berkata, antara peranan guru kaunseling ialah mereka mengetuai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Selain itu katanya, guru kaunseling bertindak sebagai orang yang menerima laporan atau tempat rujukan pelajar yang mempunyai masalah. Katanya, selain guru kaunseling, pelajar turut merujuk masalah kepada guru HEM dan, guru pendidikan moral, dan guru pendidikan Islam.

"Kadangkala pelajar berjumpa sendiri dengan guru tingkatan untuk mengadu. Sebenarnya tidak kira guru yang bagaimana, asalkan pelajar selesa, mereka boleh berbincang masalah yang dihadapi. Daripada carta aliran disiplin kita pun, laporan diterima oleh semua guru. Kemudian, barulah kita alirkan kepada bahagian masing-masing," kata Halimahton lagi.

Menurut beliau lagi, pelajar-pelajar sekolah menengah sudah mengerti sekiranya mereka mengalami sendiri gangguan atau penderaan seksual. Cuma katanya, tindakan selepas peristiwa itu yang gagal ditangani pelajar. Ketika inilah peranan guru sangat penting untuk bersama-sama dengan pelajar.

"Kadangkala mereka mengadu kepada kawan-kawan. Dan selalunya rakan-rakan mereka inilah yang memberitahu guru. Tindakan seterusnya akan diambil," katanya lagi.

"Ada contoh beberapa kes yang dapat kita elakkan. Contohnya ada laporan daripada pelajar yang terdengar perbualan sekumpulan pelajar yang merancang ingin buat gangguan seksual kepada pelajar-pelajar perempuan. Jadi, kita ambil laporan itu dan memberi amaran keras kepada pelajar terlibat. Akhirnya, gangguan itu berjaya dicegah," katanya.

Itulah antara langkah awal yang diambil di peringkat sekolah sebagai mendidik pelajar walaupun orang menganggap kes itu kecil dan terpencil. Gangguan seksual seperti meraba, menunjukkan tanda lucah, atau berkelakuan tidak senonoh merupakan permulaan kepada perkara yang lebih besar iaitu jenayah seksual.

## Kaedah Kaunseling dan Amaran

Kata Halimahton lagi, dalam menangani jenayah seksual, biasanya pendekatan kaunselor lebih lembut terutama ketika berdepan dengan mangsa jenayah seksual. Manakala, bagi pihak HEM, tindakan lebih keras berupa amaran dan gertakan akan diberi kepada pelajar yang melakukan gangguan seksual atau ke peringkat lebih teruk iaitu jenayah seksual. Kemudian katanya, pelajar yang diberi amaran itu akan diberi kaunseling pula.

## Langkah yang diambil

Apabila ditanya tentang contoh kes yang diterima dan penyelesaian yang diambil oleh pihak sekolah, Halimahton berkata, ada pelajar yang mengadu diganggu oleh abang ipar. Ibu bapa pelajar tersebut tidak berani bertindak kerana punca ekonomi keluarga bergantung kepada abang ipar itu.

Rekod juga menunjukkan bahawa 72 kes rogol melibatkan bapa mangsa, 42 kes melibatkan ayah kandung, 290 kes melibatkan teman lelaki, 549 kes melibatkan kawan kenalan, 42 kes melibatkan bapa saudara, 20 kes melibatkan abang ipar, 33 kes melibatkan jiran dan enam kes melibatkan abang kandung.

"Pihak sekolah berbincang dengan ibu bapa pelajar tersebut. Akhirnya keputusan dibuat dengan menempatkan pelajar itu di asrama sekolah. Akhirnya pelajar itu berpuas hati dan berasa lebih tenang dan selesa dapat tinggal di asrama," katanya.

Contoh kes itu menurut Halimahton antara langkah segera yang diambil oleh pihak sekolah sebelum keadaan menjadi lebih serius. Di sinilah pihak sekolah melihat faktor *urgency* sesuatu kes itu.

## Terapkan Maklumat di dalam Kelas

Halimahton yang juga guru subjek Biologi menggunakan peluang ini untuk mendidik pelajar tentang aspek biologi seksual dan pencegahan jenayah seksual.

"Apabila saya mengajar subjek Biologi, saya turut menerapkan nilai moralnya. Saya turut memberitahu pelajar tentang akil baligh dan nafsu syahwat. Dalam keadaan pelajar yang belum berkahwin ini, yang penting saya sedarkan pelajar bahawa nafsu syahwat ini jangan dirangsang. Saya ingatkan juga tentang peri laku dan pakaian terutama anak-anak perempuan di rumah. Misalnya saya selitkan aspek pergaulan dengan bapa, bilik tidur kena berkunci dan tingkah laku," katanya.

Antara pencegahan lain menurut Halimahton termasuk menerusi pendekatan agama. "Agama Islam sendiri meminta umatnya jangan menghampiri zina. Perkara ini boleh mengundang keterlanjuran," katanya lagi.

Menurut beliau lagi, di SMK Aminuddin Baki, kelakuan berdua-duan lelaki perempuan sebagai satu salah laku. Begitulah antara langkah awal yang diambil oleh sekolah dalam membendung gejala ini.

Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Radzi Sheikh Ahmad turut hadir dalam mesyuarat tersebut. Sementara pihak berkuasa memikirkan hukuman yang lebih keras terhadap penjenayah seksual, kita sebagai individu perlu mencari jalan menangani jenayah ini daripada terus berleluasa.

### Bukan Wanita Saja Menjadi Mangsa

Perlu diketahui bahawa jenayah seksual bukan saja berlaku terhadap golongan wanita saja, tetapi remaja lelaki turut menjadi mangsa. Baca artikel ini seterusnya supaya anda lebih memahami tentang jenayah seksual dan langkah mengelakkannya.

Golongan kanak-kanak dan remaja berisiko tinggi berdepan dengan jenayah seksual. Data daripada unit perlindungan kanak-kanak Bahagian Pencegahan Jenayah Bukit menunjukkan bahawa sebanyak 768 kes rogol melibatkan kanak-kanak dilaporkan di seluruh negara tahun lalu, iaitu merangkumi 51% dari 1479 kes rogol tahun lepas. Statistik polis juga menunjukkan bahawa daripada 1479 kes itu, sebanyak 988 melibatkan orang Melayu, 160 orang Cina, dan 94 orang India.

Rekod juga menunjukkan bahawa 72 kes rogol melibatkan bapa mangsa, 42 kes melibatkan ayah kandung, 290 kes melibatkan teman lelaki, 549 kes melibatkan kawan kenalan, 42 kes melibatkan bapa saudara, 20 kes melibatkan abang ipar, 33 kes melibatkan jiran dan enam kes melibatkan abang kandung.

### Apa Makna Rogol?

Maklumat daripada All Women's Action Society (AWAM) menyatakan bahawa rogol ialah jenayah keganasan menggunakan seks sebagai senjata. Undang-undang mendefinisikan rogol sebagai penembusan (*penetration*) penis (alat kelamin lelaki) ke dalam vagina perempuan tanpa kerelaan perempuan itu. Seks dengan atau tanpa kerelaan perempuan di bawah 16 tahun ditakrif sebagai rogol.



Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur.

### Man Guru

Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur, Halimahton Mohd Salleh ketika ditemui berkata, antara langkah yang diambil oleh pihak sekolah untuk mencegah jenayah seksual adalah dengan mengadakan ceramah 'Mempertahankan Diri Daripada Penderaan Seksual'. Beliau berkata, badan kokurikulum seperti Silat dan Tae Kwan Do turut memberikan demonstrasi bagi mempertahankan diri.

Beliau berkata, menerusi ceramah berkaitan jenayah seksual ini, pihak sekolah bertanggungjawab memberitahu pelajar tentang kaedah pencegahan dari segi adab sopan, pakaian, dan pelbagai lagi. Selain itu, guru-guru turut menjelaskan beberapa tindakan yang perlu diambil sekiranya jenayah seksual sudah terjadi kepada pelajar.

"Segala nombor telefon pihak bertanggungjawab diberi kepada pelajar sebagai langkah persediaan jika jenayah seksual terjadi. Antara penceramah termasuk pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran," katanya.

Beliau berkata, apabila ada laporan daripada pelajar, beliau sebagai Guru Penolong Kanan HEM akan mengambil laporan tersebut dan bertindak dengan merujuk kepada unit HEM Jabatan Pelajaran.